

PUSAT SUMBER TRANSPLAN NASIONAL HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU



PENGENALAN

Pusat Sumber Transplan Nasional @ dikenali sebagai TOP TEAM Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru telah diwujudkan mulai 1 Mac 2001. Ia dibawah naungan Pengarah Hospital dengan Pengerusi oleh Pakar Perunding Nefrologi dan KINI diPengerusikan oleh Pakar Bius. Ia beroperasi melalui sebuah bilik yang terdapat didalam Bangunan Poliklinik,

berhadapan pintu masuk mulai 19 Disember 2005. Ia dibuka mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan bagi hujung minggu, ia bergerak seiring dengan kempen derma darah hospital.

STAFF BERTUGAS

Dr. Omar Bin Hj. Sulaiman - Pakar Bius HSA JB.
Matron Jimah Binti Hussien
Jururawat Terlatih Wahidah Binti Yahaya
Jururawat Terlatih Suryiatuani Binti Misuan

ANGGOTA TOP TEAM

1- Dr. Hooi Lai Seong	Pakar Perunding Nefrologi
2- Dr. Omar Bin Hj. Sulaiman	Pakar Bius
3- Dr. Liu Wen Jiun	Pakar Nefrologi
4- Dato` Dr. Subramaniam Balan	Ketua Jabatan Bius
5- Dr. Tan Cheng Cheng	Pakar Perunding Bius
6- Mr. Johari Sirega Adnan	Ketua Jabatan Neurosurgeri
7- Matron Hasmah Binti Addriss	Penyelia Jururawat
8- Matron Jimah Binti Hussien	Penyelia Jururawat
9- Puan Marian Binti Sais	Ketua Jururawat ICU
10- Sister Masaamah Binti Samangon	Penyelia Klinik Pakar
11- Encik Razali Bin Omar	PP Unit Haemodialysis
12- Sister Jamilah Binti Sarif	Unit Haemodialysis
13- JT Wahidah Binti Yahaya	JT Pusat Sumber Transplan
14- JT Haslinda Binti Alias	JT Pusat Sumber Transplan

OBJEKTIF

- 1- Ceramah dan membuat kempen kesedaran pada orang awam.
- 2- Meningkatkan pengikrar penderma organ.
- 3- Meningkatkan penderma organ.
- 4- Membuat statistik pengikrar dan penderma organ.

Pusat sumber ini lebih mudah dikenali sebagai derma organ, iaitu kepada individu yang ingin menderma organ boleh terus mendaftar di pusat berkenaan. Ini kerana derma organ merupakan anugerah kehidupan yang tidak ternilai.



ANUGERAH KEHIDUPAN YANG TIDAK TERNILAI



Isu mengenai kematian serta pendermaan organ adalah sesuatu yang sukar untuk diperkatakan. Apatah lagi untuk mereka yang kehilangan orang yang tersayang. Ia juga merupakan perkara yang rumit bagi kakitangan perubatan yang sentiasa berusaha untuk menyelamatkan nyawa seseorang pesakit. Keputusan untuk mengizinkan penderma organ dan tisu seseorang yang disayangi apabila beliau meninggal dunia, bukan sesuatu yang mudah. Ia membangkitkan beberapa kemusykilan bagi keluarga simati. Untuk meringankan beban mental keluarga kita semasa kematian, haruslah kita membuat pengakuan persetujuan untuk menderma organ dan tisu semasa hayat kita.

Dengan mendaftarkan diri kepada Daftar Penderma Organ Nasional, anda akan membenarkan organ dan tisu anda digunakan bagi tujuan transplan, selepas anda meninggal dunia. Ini akan mengubahkan kehidupan beberapa orang yang mengalami kegagalan organ supaya menjadi lebih selesa dan sempurna serta dapat menyelamatkan nyawa mereka dari maut.

Kita sedar bahawa isu pendermaan organ dan tisu adalah suatu isu yang menimbulkan banyak persoalan. Oleh itu, berikut adalah penjelasan kepada beberapa persoalan yang sentiasa ditimbulkan.

SIAPAKAH YANG LAYAK MENJADI PENDERMA ?

Sesiapapun, sama ada tua ataupun muda boleh mendaftar sebagai penderma organ dan tisu. Walaubagaimanapun mereka yang berusia kurang daripada 18 tahun perlu mendapat kebenaran ibubapa atau penjaga terlebih dahulu.

APAKAH ITU PENDERMAAN ORGAN ?

Ia adalah proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk transplan selepas ianya meninggal dunia. Transplantasi (Permindahan Organ) adalah suatu pembedahan yang melibatkan pertukaran organ atau tisu yang mengalami kegagalan fungsinya dengan organ atau tisu yang berfungsi dengan lebih memuaskan daripada seseorang penderma yang telah meninggal dunia. Dengan cara ini, maka kehidupan penerima organ atau tisu itu akan menjadi lebih selesa dan sempurna serta nyawanya akan terselamat. Pendermaan organ dan tisu adalah satu amalan kemanusiaan yang mulia.

APAKAH ORGAN DAN TISU YANG BOLEH DIDERMAKAN ?



Pada umumnya organ-organ yang boleh didermakan adalah buah pinggan, jantung, hati (heper), paru-paru dan pankreas. Tisu-tisu yang boleh didermakan adalah mata, tulang, kulit dan injap jantung. Ini bermakna, seseorang penderma akan dapat mengubah kehidupan serta menyelamatkan beberapa orang pesakit.

BILAKAH ORGAN DAN TISU SIPENDERMA ITU DIPEROLEHI ?



Proses perolehan organ dan tisu daripada tubuh seseorang penderma itu hanya akan dilakukan apabila kematian telah disahkan oleh dua orang doktor dengan pengesahan kematian seseorang penderma itu adalah bebas dan tiada kaitan dengan pemindahan organ dan tisu.

APAKAH PERBEZAAN RAWATAN JIKA DIKETAHUI ANDA ADALAH SESEORANG PENDERMA ?

Tidak! Doktor-Doktor yang merawat anda akan berusaha sedaya mungkin dengan mengambil semua tindakan serta langkah yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawa anda. Persoalan mengenai pendermaan organ dan tisu akan dibincangkan dengan waris anda hanya selepas kematian telah disahkan

ADAKAH TERDAPAT BANTAHAN DARI SUDUT AGAMA ?

Tiada! Kebanyakan agama di seluruh dunia seperti Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan Sikh mengiktiraf pendermaan organ dan tisu sebagai satu amalan yang mulia.

BAGAIMANA ORGAN PENDERMAAN ITU DIPINDAHKAN ?

Proses pemindahan organ dan tisu membabitkan suatu pembedahan yang bersih dan sucihama. Pembedahan ini dijalankan di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman. Perolehan organ serta tisu seseorang penderma ini tidak akan menjelaskan rupa dan bentuk tubuh badannya. Selepas organ dan tisu diperolehi luka pembedahan itu akan dijahitkan dengan sempurna dan jenazah

sipenderma ini tidak akan mengalami apa-apa kecacatan fizikal. Segala proses pembedahan pemindahan ini dijalankan dengan rasa penuh hormat dan tertib sepertimana pembedahan-pembedahan biasa

BAGAIMANA JIKA ANDA BERUBAH FIKIRAN MENDERMA ?

Pendermaan organ adalah suatu niat yang tulus ikhlas dan anda berhak untuk membatalkan hasrat ini pada bila-bila masa. Tiada sesiapaupun yang dipaksa untuk menderma organ dan menukar fikiran untuk tidak menderma organ dan tisu. Anda hanya perlu memberitahu keluarga anda mengenainya dan memulangkan kad penderma organ anda kepada kami.

ADAKAH PROSES PENDERMAAN ORGAN AKAN MELAMBATKAN URUSAN PENGKEBUMIAN JENAZAH ?

Tidak! Urusan pengkebumian boleh dijalankan seperti biasa. Selepas organ dan tisu diperolehi dari tubuh penderma maka jenazah akan dibersihkan, dikhafankan dan dipulangkan kepada waris penderma secepat mungkin. Proses perolehan organ dan tisu tidak akan menjejaskan adat pengkebumian seperti upacara penghormatan kepada jenazah.

BAGAIMANAKAH ANDA BERHAJAT UNTUK MANJADI SEORANG PENDERMA ORGAN ?

Anda perlu mengisi borang akaun penderma dan kad penderma. Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar kepada Pusat Sumber Transplan Nasional, sementara kad penderma anda hendaklah disimpan dalam dompet dan dibawa bersama anda pada setiap masa. Anda Dinasihatkan untuk memaklumkan hasrat anda untuk menjadi seorang penderma organ dan tisu Kepada Keluarga Anda?. Ini akan memudahkan serta melicinkan proses mendapatkan keizinan perolehan organ dan tisu selepas kematian anda kelak.

MATI OTAK DAN PENDERMAAN ORGAN

Pemindahan organ hanya akan dilakukan setelah pesakit disahkan mati otak. Bagi melaksanakan pemindahan ini anggota perubatan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada ahli keluarga terdekat penderma. Pembedahan pemindahan organ hanya akan dilakukan setelah mendapat kebenaran ahli keluarga pesakit yang mengalami mati otak tersebut.

APAKAH YANG DIKATAKAN MATI OTAK ?

Mati otak ialah keadaan tiada pengedaran darah dan oksigen ke otak yang menyebabkan keseluruhan otak (termasuk batang otak iaitu penghidupan seperti pernafasan dan denyutan jantung) tidak lagi berfungsi. Kehilangan fungsi otak ini tidak boleh dipulihkan.

KEMUDAHAN KINI

Penjawat Awam yang menderma organ kepada mereka yang memerlukan akan diberikan cuti tanpa rekod selama 42 hari, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Ismail Adam.

Beliau berkata menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, cuti berkenaan diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak, sangkut dan guru sandaran.

“Kadar cuti tanpa rekod yang boleh diluluskan adalah mengikut tempoh yang diperakukan oleh pegawai perubatan pakar atau tidak melebihi 42 hari, mengikut mana yang lebih rendah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

“Cuti ini bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah menjalani proses pemulihan”.

Selain itu, sepanjang tempoh pegawai dimasukkan ke hospital untuk menjalani ujian, pembedahan dan tempoh sebelum discaj dari hospital, pegawai boleh diberi kemudahan cuti sakit berdasarkan sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh hospital.

“Kemudahan cuti tanpa rekod ini hanya terpakai untuk pembedahan yang dijalankan di dalam negara sahaja”. katanya.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi ;

Pusat Sumber Transplan Nasional
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
Tel : 07-2231666 ext . 2751
Fax : 07-2242694